



TEKS UCAPAN

YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof
Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga
dan Transformasi Air (PETRA)

Sempena

MAJLIS PERASMIAN DAN PENYERAHAN
PROJEK PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN
SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI
KOTA SETAR, KEDAH

15 Januari 2026 | Alor Setar, Kedah

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

(SALUTASI)

**YANG BERBAHAGIA DATO' MOHD RODZWAN BIN MOHD
BABA SAKRI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (AIR)
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN
TRANSFORMASI AIR**

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI ALIAS BIN MOHAMED
KETUA PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN**

**YANG BERUSAHA ENCIK NARENDRAN MANIAM, KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF INDAH WATER KONSORTIUM SDN.
BHD.**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI ABDUL GHAFAR BIN
YAHYA, DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA ALOR
SETAR**

**YANG BERBAHAGIA DATUK IBRAHIM BIN MOHAMAD,
PENGARAH URUSAN UCM CONSTRUCTION SDN. BHD.**

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI-AGENSI,

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN PERALIHAN
TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR SERTA JABATAN
PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN.**

WAKIL-WAKIL PEMIMPIN MASYARAKAT TEMPATAN RAKAN-RAKAN MEDIA DAN HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

Sebelum saya memulakan ucapan, izinkan saya berkongsi terlebih dahulu, Firman Allah dalam Surah Al-A'Raf, ayat 56:

“Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi setelah Allah memperbaikinya.”

1. Ayat ini mengingatkan kita bahawa setiap usaha membangun, setiap keputusan dasar, dan setiap prasarana yang kita bina bukan sekadar soal fizikal dan ekonomi, tetapi adalah **amanah untuk memelihara keseimbangan alam dan kesejahteraan manusia.**
2. Atas landasan inilah kita berhimpun pada hari yang bermakna ini bukan hanya untuk merasmikan sebuah projek, tetapi untuk **meraikan satu komitmen bersama terhadap kelestarian, kesihatan awam dan masa depan generasi akan datang.**
3. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih dan rasa berbesar hati di atas jemputan pihak penganjur bagi menyempurnakan **Majlis Perasmian dan**

Penyerahan Projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Dan Rangkaian Paip Pambetulan Di Kota Setar, Kedah pada hari ini.

4. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Jabatan Perkhidmatan Pambetulan, Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air,** kontraktor terlibat **UCM Construction Sdn Bhd, Agensi-Agensi Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, pasukan perunding serta semua pemegang taruh yang terlibat** di atas usaha menyiapkan projek ini meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran dan kesukaran.
5. Atas kesungguhan dan komitmen yang diberikan dan dengan izin dan limpah kurnia-Nya, projek ini berjaya disiapkan dan kita sama-sama dapat berhimpun meraikan pencapaian ini.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati,

6. Kerajaan komited untuk meningkatkan liputan dan akses kepada sistem pambetulan berpusat menerusi pembinaan loji rawatan kumbahan berpusat, pembinaan

rangkaian paip pembetulan dan kerja-kerja penyambungan ke sistem pembetulan awam.

7. Pelaksanaan projek seumpama ini adalah sebahagian perancangan dan strategi yang diatur dan dilaksanakan oleh Kerajaan supaya masyarakat boleh menikmati perkhidmatan pembetulan berpusat yang lebih moden, teratur dan cekap, sekali gus menyumbang kepada kelestarian alam sekitar.
8. Pembangunan perkhidmatan pembetulan di kawasan bandar yang berkepadatan tinggi adalah berlandaskan konsep serantau (*regionalisation*) iaitu membina loji rawatan kumbahan berpusat dengan skala yang bersesuaian bagi menampung keperluan komuniti yang lebih ramai dan meluas.
9. Kaedah ini dapat meningkatkan pembinaan loji-loji kecil di kawasan pembangunan baharu.
10. Dalam hal ini, saya menghargai usaha yang diambil oleh **Jabatan Perkhidmatan Pembetulan selaku agensi pelaksana projek pembetulan negara** dalam membangunkan prasarana pembetulan secara berperingkat di seluruh negara.

11. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) juga akan terus membangunkan sektor pembetungan negara selari dengan kepesatan pembangunan serta memenuhi ekspektasi rakyat.
12. Peningkatan akses kepada bekalan air bersih dan sanitasi merupakan **Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goal) ke Enam (SDG6)** yang turut disokong oleh Kerajaan Persekutuan.
13. Selari dengan komitmen bagi mencapai matlamat SDG6, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar dalam memastikan perancangan penyediaan infrastruktur pembetungan yang moden dan efisien di seluruh negara.
14. Ia merupakan keperluan asas kepada rakyat menjalani kehidupan yang lebih kondusif berdasarkan prinsip keadilan sosial. Langkah ini sejajar dengan salah satu **Teras Strategik Utama Malaysia Madani** iaitu **menjamin kesejahteraan insan**.

Pembangunan negara mesti berteraskan kesejahteraan rakyat dan memberi manfaat sebenar kepada kehidupan seharian mereka, dimana pelaburan dalam infrastruktur asas seperti sistem pembetungan bukanlah satu pilihan, tetapi satu keperluan.

Ini mengingatkan kita bahawa ukuran kejayaan pembangunan bukan sekadar pada nilai projek atau kecanggihan teknologi, tetapi pada sejauh mana ia menjaga kesihatan awam, memelihara alam sekitar dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Di sinilah tanggungjawab kita sebagai pembuat dasar dan pelaksana perlu sentiasa berpaksikan nilai ihsan dan keadilan sosial.

Hadirin yang saya hormati,

15. Saya dimaklumkan **Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kota Setar** ini merupakan loji terbesar di Kedah dengan keupayaan untuk merawat sehingga **100,000 penduduk setara (*Population Equivalent – PE*)** dan boleh dipertingkatkan kepada **300,000 PE** pada masa akan datang.

16. Ia menepati status dan keperluan Majlis Bandaraya Alor Setar sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri Kedah Darul Aman.
17. Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kota Setar ini telah mula beroperasi dan menerima kumbahan secara berperingkat bermula pada 9 Ogos 2025.
18. Salah satu komponen projek ialah program rasionalisasi 28 loji-loji rawatan kumbahan sedia ada dan sistem pembetungan di 16 premis Kerajaan.
19. Saya menggesa usaha penyambungan daripada loji rawatan kumbahan awam dan premis Kerajaan ini terus dilaksanakan bagi membolehkan perkhidmatan pembetungan diuruskan secara kolektif dan optimum.
20. Penyediaan sistem pembetungan serantau di Kota Setar ini yang melibatkan kos pembinaan berjumlah **RM238.8 juta** ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk di kawasan **Bandaraya Alor Setar, kawasan perumahan dan kejiranan di Derga, Kota Setar dan Alor Malai.**

21. Penyediaan sistem rawatan kumbahan yang moden ini dapat memastikan beban cemar daripada kumbahan perumahan dan perdagangan dapat dirawat sebelum dilepaskan ke badan air dengan jaminan pematuhan kepada perundangan **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Jadual Kedua (Peraturan 7).**
22. Saya juga dimaklumkan pembinaan loji ini turut menggunakan pendekatan baharu seperti penggunaan semula efluen, penggunaan peralatan cekap tenaga dan penjanaan tenaga elektrik daripada tenaga solar untuk kegunaan loji.
23. Penggunaan teknologi mesra alam dan tenaga boleh diperbaharui **dapat mengurangkan jejak karbon (*carbon footprint*).**

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

24. Kemudahan dan fasiliti kumbahan yang disediakan perlu diselenggara dengan baik bagi memastikan operasi pembinaan loji berada pada tahap optimum.

25. Sehubungan itu, loji ini akan diserahkan dan diselenggara oleh **Indah Water Konsortium (IWK)** sebagai sebuah agensi yang diberi kuasa melalui **Perjanjian Konsesi 1993** untuk melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan sistem pembetungan awam di Semenanjung Malaysia dan Labuan.
26. Kementerian yakin dengan pengalaman dan kepakaran teknikal IWK sebagai syarikat pembetungan nasional mampu memastikan aset-aset pembetungan dioperasi dan diselenggara secara optimum sekali gus mengurangkan pencemaran kumbahan ke atas sumber air dan menyokong kelestarian alam sekitar.
27. Kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan ini juga akan dikawal selia oleh **Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** bagi memastikan kepatuhan kepada piawaian yang ditetapkan sepanjang tempoh operasi.
28. Saya berharap pihak IWK juga dapat mengembangkan lagi inisiatif teknologi hijau yang tersedia di loji ini berdasarkan konsep kekayaan daripada **sis**a (**waste to wealth**) dari penghasilan **produk sampingan rawatan kumbahan (by-product)** seperti bioefluent dan biomas.

29. Justeru, dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang memberi kerjasama yang baik dalam memastikan penyiapan projek.

30. Penghargaan yang tidak terhingga saya kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana sokongan kepada usaha-usaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air dalam menyediakan perkhidmatan pembetungan untuk kesejahteraan dan keselesaan rakyat.

Hadirin yang saya hormati,

31. Pembangunan bukan sekadar apa yang kita rasmikan hari ini, tetapi **bagaimana ia dijaga esok, dan siapa yang dilindungi melaluinya.**

Izinkan saya menutup dengan satu peringatan bersama:

“Apabila kita membina dengan amanah, alam akan membalas dengan keberkatan; apabila kita menjaga rakyat, InshaAllah masa depan akan menjaga kita.”

32. Semoga usaha ini menjadi amal jariah, membawa manfaat berpanjangan, dan mengukuhkan tekad kita untuk **membangun dengan nilai, memimpin dengan ihsan, dan melangkah ke hadapan dengan penuh tanggungjawab.**

33. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, saya dengan sukacita merasmikan **Penyerahan Projek Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau Dan Rangkaian Paip Pembetungan Di Kota Setar, Kedah.**

Sekian, *Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh.*

Terima kasih.